

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 [ ISNIN ]**

**SOALAN NO. 33**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk membekalkan rumah sewa pada kadar RM125 sebulan selepas Projek Perumahan Rakyat (PPR) dijenamakan semula sebagai Projek Perumahan Malaysia (PPM) dan apakah usaha Kerajaan untuk membantu golongan B40 untuk memiliki rumah mampu milik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa peka dengan keperluan golongan B40 yang memerlukan perumahan yang sejahtera dengan kadar belian dan sewaan yang tidak membebankan. Dalam hubungan ini, terdapat **90 projek** yang melibatkan **75,430 unit rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) Disewa** dengan **kadar sewaan sebanyak RM124 sebulan** telah dilaksanakan di seluruh Negara dan telah memberi manfaat kepada 377,150 keluarga.

2. Mengambil kira bebanan kos pengurusan bangunan yang semakin meningkat serta bagi memastikan penyelenggaraan dijalankan dengan lebih teratur dan menyeluruh, Kementerian sedang meneliti semula kos sedia ada bersama dengan Kerajaan Negeri agar kadar baru sewaan tidak membebankan.

3. Justeru, cadangan penjenamaan semula PPR ini akan melibatkan perbezaan harga rumah, Kerajaan akan sedaya mampu menyediakan bantuan kepada golongan B40 ini untuk memiliki rumah melalui kaedah sewaan secara *Rent to Own* atau *end financing* tertentu yang sedang dalam peringkat rundingan antara KPKT dengan institusi kewangan.

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, antara usaha lain yang disediakan oleh Kerajaan bagi membantu golongan B40 adalah seperti berikut:

- i) **Penyediaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM)** dalam tempoh 10 tahun;
- ii) **Skim pembiayaan kewangan fleksible** yang menawarkan pakej pinjaman menyeluruh;
- iii) **Pemanjangan tempoh pembiayaan perumahan sektor awam** di bawah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA);
- iv) **Jaminan Cagamas SRP Berhad** untuk membantu golongan muda yang berpendapatan RM3,000 sebulan dan ke bawah untuk memiliki rumah;
- v) **Diskaun Plus**, penawaran diskaun oleh pemaju perumahan dengan *zero deposit* (yang disokong oleh skim jaminan Cagamas/ Skim Jaminan Kredit Perumahan); dan
- vi) **FundMyhome (Crowd Funding)**, konsep di mana rakyat boleh mendapatkan bantuan kewangan untuk membeli rumah melalui kaedah pinjaman terbuka.

5. Selain itu, selaras dengan pembentangan **Belanjawan 2020** kerajaan telah mengumumkan beberapa inisiatif perumahan seperti berikut:-

- i) **Dana Rumah Mampu Milik** bagi membantu pembeli rumah golongan berpendapatan rendah untuk membeli rumah pertama;
- ii) **Skim Perumahan Belia** melalui Cagamas; dan
- iii) Penyediaan Belanjawan sebanyak **RM70 juta** untuk **perumahan generasi baru peneroka FELDA.**

Sekian, terima kasih.